

**BENTUK-BENTUK KETIDAKPATUAHAN CUKAI: KAJIAN KE ATAS PERNIAGAAN KECIL  
DAN SEDERHANA (PKS) SEKTOR PEMBINAAN DI MALAYSIA  
(FORMS OF TAX NON-COMPLIANCE: A STUDY ON CONSTRUCTION SECTOR OF  
SMALL AND MEDIUM ENTERPRISE (SME) IN MALAYSIA )**

**\* Muhammad Aqbal Mashadi<sup>1</sup>, Rosiati Ramli<sup>2</sup>, Mohd Rizal Palil<sup>2</sup>, Romlah Jaffar<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Pengurusan Insan, Ibu Pejabat LHDNM,  
Menara Hasil Aras 9, Persiaran Rimba Permai,  
Cyber 8, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Perakaunan,  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: [muhammadaqbal@gmail.com](mailto:muhammadaqbal@gmail.com)

**Abstrak**

Ketidakpatuhan cukai merupakan satu isu berterusan yang dihadapi oleh kebanyakan badan pentadbir cukai termasuklah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). LHDNM mendefinisikan ketidakpatuhan cukai sebagai kegagalan seseorang individu atau satu entiti untuk mendaftar, menghantar borang cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan, melaporkan jumlah pendapatan yang betul, dan membayar cukai. Kajian-kajian lepas di Malaysia mendapati bahawa sektor pembinaan khususnya perniagaan kecil dan sederhana (PKS) mempunyai penglibatan yang tinggi dalam ketidakpatuhan cukai. Namun begitu, didapati bahawa dalam kajian-kajian lepas tersebut tidak menjelaskan bentuk-bentuk tindakan ketidakpatuhan cukai dan jenis-jenis perniagaan yang berada dalam kategori PKS sektor pembinaan yang paling cenderung tidak patuh cukai. Oleh itu, kajian ini memfokuskan usaha untuk mengenal pasti perlakuan cukai (patuh atau tidak patuh) dan menjelaskan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai (daftar, hantar, lapor, dan bayar) yang dilakukan serta hubungan antara jenis perniagaan dengan gelagat pematuhan cukai di kalangan PKS sektor pembinaan di Malaysia. Dapatan kajian ini menunjukkan 44% sampel PKS sektor pembinaan tidak patuh cukai, manakala jenis perniagaan kejuruteraan awam didapati paling dominan melakukan ketidakpatuhan cukai dan tindakan tidak atau lewat hantar borang cukai merupakan bentuk ketidakpatuhan cukai yang dominan dilakukan oleh PKS. Analisis kajian juga menunjukkan bahawa jenis perniagaan PKS sektor pembinaan mempengaruhi gelagat pematuhan cukai. Dapatan kajian ini boleh memberi nilai tambah kepada literatur cukai dan seterusnya boleh dijadikan sebagai input penting kepada pihak LHDNM bagi membolehkan pihak LHDNM untuk merangka strategi pematuhan cukai yang lebih berkesan.

**Kata kunci:** Ketidakpatuhan cukai, perniagaan kecil dan sederhana (PKS), sektor pembinaan.

## Abstract

Tax noncompliance has been a constant issue faced by various tax authorities including Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), which defines tax noncompliance as a failure of a person or an entity to register, file return form on time, declare correct amount of income, and pay tax. Previous studies in Malaysia had shown that the construction sector, in particular the small and medium enterprise (SME), was highly involved with tax noncompliance. However those studies did not explain further what type of noncompliance that was involved as well as which type of SME businesses in the construction sector that was prone to tax noncompliance. Therefore, this study focuses on identifying tax behaviour (comply or not comply) and at the same time explaining the type of noncompliance (register, filing, declare and payment) as well as the relationship between the types of business and tax compliance behaviour among the construction SME in Malaysia. Findings showed that 44% of SME samples in construction sector were not complied, while civil engineering is the dominant business entity involved with tax noncompliance and late or not submit return form are the most frequent actions done by SME. The analysis also showed that the types of businesses of the construction SMEs had a significant relationship with their tax compliance behaviour. Research findings will be a value added to tax literatures and provide significant input to LHDNM for planning a better tax compliance strategy.

**Keywords:** Tax non-compliance, Small and Medium Enterprise (SME), construction sector.

## 1.0 PENGENALAN

Percukaian merupakan salah satu instrumen penting yang berperanan sebagai penyumbang utama kepada pendapatan bagi sesebuah negara. Rasional kepada pengenaan cukai adalah bertujuan membolehkan sesebuah kerajaan membiayai perbelanjaan serta pembangunan negaranya dan pada masa yang sama mengimbangi jurang pendapatan antara golongan yang berpendapatan tinggi dengan golongan yang berpendapatan rendah (Lymer & Oats 2009). Walaupun mengetahui percukaian merupakan sesuatu yang memberikan manfaat kepada semua, namun terdapat pihak-pihak tertentu yang didapati cuba mengelakkan atau melarikan diri daripada membayar cukai yang telah mencetuskan keadaan ketidakpatuhan cukai (Saad, 2012).

Ketidakpatuhan cukai bukan senario yang asing bagi kebanyakan badan pentadbir cukai seperti *Australia Tax Office (ATO)*, *Her Majesty's Revenues and Customs (HMRC)*, *Inland Revenue Department (IRD)* dan *Inland Revenue Service (IRS)*. Laporan HMRC untuk tempoh tahun 2008 hingga 2009 mencatatkan jumlah cukai yang gagal dipungut sebanyak £42 bilion (paun sterling) di mana £15 bilion daripada jumlah keseluruhan tersebut disebabkan oleh aktiviti penipuan cukai, pengelakan cukai dan aktiviti jenayah (Mohd Mohd Yusof, Ming & Yap 2014). Masalah sama turut dihadapi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) apabila jumlah kutipan cukai tambahan daripada aktiviti audit bagi tahun 2013 menunjukkan peningkatan daripada RM3.29 bilion dengan sebanyak 1,935,078 kes kepada RM5.04 bilion dengan sebanyak 1,757,920 kes (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 2014). Keadaan ini menjelaskan walaupun bilangan kes yang diaudit semakin berkurangan, namun hasil kutipan cukai tambahan terus meningkat. Peningkatan ini membuktikan kegiatan ketidakpatuhan cukai terus berlaku dan membarah dalam persekitaran cukai pendapatan di Malaysia.

Ketidakpatuhan cukai telah wujud selari dengan pengenalan sistem percukaian (Wentworth & Rickel 1985), justeru kehadiran isu ini dalam persekitaran ekonomi global semasa tidak dapat dinafikan (Kasipillai & Abdul Jabbar 2006). Oleh sebab itu kajian terhadap isu ketidakpatuhan cukai telah dilaksanakan melibatkan pengkaji dari dalam dan luar Malaysia serta merangkumi pelbagai sudut penyelidikan antaranya; definisi patuh cukai dan tidak patuh cukai (Andreoni, Erard & Feinstein 1998; Brown & Mazur 2003); teori dan model percukaian (Braithwaite, Braithwaite, Gibson & Makkai 1994;

Braithwaite & Braithwaite 1997); kos pematuhan cukai (Abdul Jabbar, 2009); faktor-faktor ketidakpatuhan (Palil, 2010) dan pelaku ketidakpatuhan cukai (Che Saruji & Palil 2012). Walaupun kajian terdahulu berkaitan ketidakpatuhan cukai telah menyentuh beberapa perkara seperti definisi, teori, faktor ketidakpatuhan dan pelaku, namun masih terdapat beberapa isu yang perlu dijelaskan dengan lebih lanjut. Antara perkara yang kurang dijelaskan adalah berkaitan bentuk-bentuk ketidakpatuhan, kategori pelaku ketidakpatuhan cukai di kalangan PKS sektor pembinaan dan ciri-ciri bagi pelaku ketidakpatuhan cukai. Perbincangan berkaitan isu berbangkit ini dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bahagian berikutnya iaitu pernyataan masalah.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Kajian Belkaoui (2004) mendapati kebanyakan negara di dunia berhadapan dengan isu ketidakpatuhan cukai khususnya Malaysia di mana skor pematuhan yang dicatatkan adalah 4.34 daripada 6.00. Laporan LHDNM 2014 pula mendedahkan jumlah kutipan cukai dari aktiviti audit pada tahun 2013 meningkat dari RM3.29 billion kepada RM5.04 billion. Keadaan ini jelas menunjukkan ketidakpatuhan cukai merupakan isu yang berterusan dan perlu di tangani segera oleh kebanyakan pentadbir cukai khususnya LHDNM (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 2014; Mohd Yusof, Ming & Yap 2012). Golongan yang melakukan aktiviti ketidakpatuhan cukai tidak tertumpu kepada kumpulan tertentu sahaja sebaliknya melibatkan pelbagai pihak antaranya kakitangan kerajaan (Jaffar et al., 2014), kakitangan akademik (Che Saruji & Palil 2012) dan perniagaan kecil dan sederhana – PKS (Mohd Yusof et al., 2014).

Walaupun terdapat pelbagai golongan yang terlibat dengan ketidakpatuhan cukai, penglibatan oleh entiti perniagaan khususnya PKS memerlukan perhatian segera dari LHDNM kerana majoriti hasil kutipan cukai disumbang oleh pembayar cukai perniagaan (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, 2012, 2013, 2014). Manakala laporan oleh pihak Kastam pula mendedahkan hampir 38,000 entiti perniagaan yang berdaftar bagi tujuan cukai barang dan perkhidmatan tidak pernah memiliki rekod percukaaian (Mohd Ali, 2015). Penglibatan entiti perniagaan dengan aktiviti ketidakpatuhan cukai dapat diperhatikan melalui kajian Mohd Yusof et al. (2014) dan Ming et al. (2013) yang mendapati entiti perniagaan khususnya sektor pembinaan paling dominan terlibat. Selain dari itu kajian oleh Abdul Jabbar (2009) pula memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang menyebabkan entiti perniagaan PKS cenderung untuk tidak patuh cukai.

Bersandarkan kajian oleh Ming et al. (2013) dan Mohd Yusof et al. (2014) tentang isu ketidakpatuhan cukai di kalangan entiti perniagaan PKS Malaysia, maka kajian ini menetapkan empat objektif utama berkaitan PKS sektor pembinaan. Objektif pertama adalah untuk mengenal pasti gelagat cukai PKS sektor pembinaan sama ada patuh cukai atau tidak patuh cukai. Objektif kedua pula bertujuan untuk mengetahui jenis perniagaan yang dominan tidak patuh cukai dan ciri-ciri PKS yang terlibat. Objektif ketiga bertujuan untuk memahami apakah bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai yang dilakukan oleh PKS sektor pembinaan. Manakala objektif yang keempat adalah untuk melihat hubungan antara jenis perniagaan PKS sektor pembinaan dengan gelagat pematuhan cukai. Dapatan kajian ini secara signifikan mampu memberikan nilai tambah kepada bidang ilmu melalui penjelasan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai (daftar/hantar/lapor/bayar) dan penghuraian spesifik jenis perniagaan yang terlibat dengan gelagat ketidakpatuhan cukai. Dapatan kajian ini juga mampu memberikan input yang relevan kepada LHDNM dalam membantu mereka untuk merangka strategi penguatkuasaan yang lebih tersusun dan spesifik berdasarkan penghuraian ciri-ciri pelaku bagi aktiviti ketidakpatuhan cukai.

### 3.0 BENTUK-BENTUK KETIDAKPATUHAN CUKAI

Kepatuhan atau sebaliknya ketidakpatuhan cukai bukanlah suatu terma atau istilah yang baharu dalam persekitaran percukaian. Namun begitu, hingga kini masih tiada definisi yang standard bagi mewakili maksud kepatuhan dan ketidakpatuhan cukai. Andreoni et al. (1998) mendefinisikan kepatuhan cukai sebagai kesanggupan para pembayar cukai untuk mematuhi undang-undang cukai, manakala menurut Brown dan Mazur (2003) pula kepatuhan cukai merujuk kepada kombinasi elemen-elemen seperti penghantaran borang, pelaporan pendapatan, dan pembayaran cukai. Badan-badan pentadbir cukai seperti ATO (Australian Taxation Office 2007) dan LHDNM (Josephine, 2013) mendefinisikan pematuhan sebagai kombinasi elemen-elemen seperti pendaftaran, penghantaran, pelaporan, dan pembayaran. Sebaliknya, ketidakpatuhan cukai pula bermaksud tindakan seseorang individu yang menyalahi perundangan cukai, iaitu mengelakkan diri daripada membayar cukai (Slemrod, 2007).

Bagi persekitaran cukai di Malaysia, interpretasi patuh cukai dan tidak patuh cukai secara ringkas turut merujuk kepada komponen daftar, hantar, lapor dan bayar (Josephine, 2013). Manakala secara spesifik keadaan ketidakpatuhan cukai merujuk kepada peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. Ketidakpatuhan cukai menurut ACP 1967 berdasarkan peruntukan beberapa seksyen yang berkaitan dengan penalti dan kesalahan. Pertama ialah Seksyen 112 yang menjelaskan perihal kegagalan entiti atau individu menghantar borang cukai. Selain itu, Seksyen 77(1)(a) dan (b) menghendaki setiap individu selain suatu syarikat, badan amanah atau koperasi menghantar borang cukai pada atau sebelum 30hb Jun (bagi yang menjalankan perniagaan) dan 30hb April (yang tiada pendapatan perniagaan). Seterusnya, Seksyen 77A(1) pula menetapkan tiap-tiap syarikat, badan amanah atau koperasi supaya menghantar borang cukai dalam tempoh tujuh bulan selepas penutupan tempoh perakaunan.

Selain daripada kegagalan menghantar borang cukai, ketidakpatuhan cukai juga merujuk kepada perlakuan tidak melaporkan pendapatan dengan betul di dalam borang cukai pendapatan yang jelas memperlihatkan bahawa kesalahan ini tertakluk kepada peruntukan Seksyen 113 dan 114 ACP 1967. Perbezaan bagi kedua-dua peruntukan seksyen tersebut adalah keadaan kesalahan cukai dilakukan dan bentuk-bentuk hukuman yang dikenakan. Seksyen 113 melihat kesalahan cukai lebih kepada kesilapan dan kecuaiian, maka hukuman yang dikenakan hanya berbentuk bayaran denda tunai, manakala Seksyen 114 melihat kesalahan cukai yang dilakukan dengan niat dan perancangan yang teliti untuk tidak membayar cukai, maka denda yang lebih berat diperuntukkan, iaitu denda tunai dan hukuman penjara. Ketidakpatuhan cukai yang seterusnya menurut ACP 1967 merujuk kepada kegagalan untuk membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan menurut peruntukan Seksyen 103(1). Peruntukan seksyen ini menghendaki para pembayar cukai untuk menjelaskan bayaran cukai yang telah dikira selewat-lewatnya pada tarikh akhir borang nyata cukai perlu dihantar.

Melalui peruntukan ACP 1967 ini, LHDNM menguatkuasakan empat bentuk ketidakpatuhan cukai, iaitu kegagalan mendaftar sebagai pembayar cukai, tidak atau lewat menghantar borang cukai, tidak melaporkan pendapatan dengan betul, dan tidak atau lewat membayar cukai. Terdapat beberapa kajian lepas di Malaysia yang cuba menerangkan maksud kepatuhan cukai mengikut peruntukan ACP 1967. Antaranya ialah kajian lepas yang dilakukan oleh Singh (2003) yang mendapati bahawa ketidakpatuhan cukai berlaku apabila terdapat kelewatan menghantar borang cukai, tidak melaporkan semua sumber pendapatan menurut perundangan cukai dan lewat, dan tidak membayar cukai yang telah ditentukan. Pematuhan cukai pula menurut Kasipillai dan Abdul Jabbar (2006) merujuk kepada gabungan elemen-elemen seperti penghantaran borang, pelaporan yang benar, dan pembayaran cukai. (Saad, 2012) pula mentakrifkan pematuhan cukai sebagai suatu keadaan di mana para pembayar cukai memfailkan borang cukai tepat pada masanya dan melaporkan pendapatan berdasarkan perundangan cukai yang ditetapkan. Dalam konteks kajian ini, bentuk ketidakpatuhan cukai yang dijadikan sebagai dasar kajian mengikut takrifan yang dibuat oleh LHDNM.

### 3.1 PKS Sektor Pembinaan

Terdapat beberapa definisi PKS di Malaysia. Pertama adalah definisi PKS yang ditetapkan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) di mana PKS di kelaskan kepada tiga kumpulan iaitu mikro, kecil dan sederhana bersandarkan kepada jumlah perolehan tahunan atau bilangan pekerja (SME Corporation Malaysia 2014). Mulai 1hb Januari 2014 definisi PKS bagi saiz mikro adalah nilai jualan tahunan kurang RM300,000 atau kurang 5 orang pekerja, saiz kecil pula adalah nilai jualan tahunan kurang RM15 juta atau kurang 75 orang pekerja dan saiz sederhana merujuk kepada nilai jualan tidak melebihi RM50 juta atau bilangan pekerja tidak melebihi 200 orang.

Definisi kedua adalah definisi yang diguna pakai oleh LHDNM, iaitu sesuatu entiti dikelaskan sebagai PKS apabila jumlah modal berbayar syarikat tidak melebihi daripada RM2.5 juta pada akhir tempoh tahun taksiran (Akta Cukai Pendapatan 1967). Selain definisi PKS di Malaysia, takrifan untuk PKS di peringkat antarabangsa juga tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Keadaan ini dapat dilihat melalui definisi yang digunakan oleh Bank Dunia dan Kesatuan Eropah di mana dua organisasi ini turut mengelaskan entiti perniagaan kepada tiga kumpulan (mikro, kecil & sederhana) berdasarkan bilangan pekerja, perolehan tahunan, dan aset (International Tax Dialogue, 2007).

Entiti PKS kerap menjadi subjek kajian dalam usaha untuk memahami karakter dan gelagat kelompok ini terhadap isu-isu percukaian semasa. Hal ini berlaku apabila kajian lepas yang dilakukan oleh Hashim (2007) mendapati bahawa entiti PKS sering berhadapan dengan masalah kewangan, pengurusan, dan teknologi, manakala kajian lepas yang dilakukan oleh Mustafa dan Al-Mureshi (1991) mendapati kebanyakan perkhidmatan yang diberikan oleh firma perunding perakaunan kepada PKS lazimnya berkaitan dengan simpan kira dan percukaian. Selain daripada kelemahan yang terdapat pada PKS, didapati juga bahawa perniagaan bersaiz kecil lebih berisiko untuk tidak melaporkan cukai dengan betul (Joulfaian & Rider 1998). Turut mengkaji tingkah laku negatif PKS terhadap cukai ialah Williams (2007, 2009) yang mendapati bahawa entiti ini tidak melaporkan semua hasil jualan pada peringkat permulaan operasi perniagaan dan akan terus melakukan aktiviti tersebut walaupun telah mempunyai kedudukan yang kukuh dan stabil dalam pasaran.

Dari perspektif kajian yang berbeza, terdapat para pengkaji lepas yang berusaha untuk menjelaskan keadaan ketidakpatuhan cukai terhadap beberapa sektor ekonomi terpilih. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kajian lepas yang dilakukan oleh Mohd Yusof et al. (2014) mendapati bahawa PKS sektor pembinaan paling tinggi terlibat dalam ketidakpatuhan cukai berbanding sektor perkhidmatan dan pembuatan. Dapatan kajian yang serupa turut diperoleh oleh Ming et al. (2013) yang menunjukkan bahawa sektor pembinaan paling dominan terlibat dalam kesalahan cukai melalui beberapa kaedah seperti kurang melaporkan jualan, memalsukan transaksi belian, dan menuntut perbelanjaan yang tidak dibenarkan. Badan-badan pentadbir seperti ATO, HMRC, dan IRS turut menyatakan pandangan yang sama berhubung jenis-jenis perniagaan yang berisiko tinggi untuk terlibat dalam masalah ketidakpatuhan cukai yang jelas memperlihatkan bahawa sektor pembinaan merupakan salah satu industri yang perlu diberi perhatian (Rand Europe & National Audit Office 2008).

Selain dari perspektif akademik, justifikasi pemilihan PKS turut didorong oleh faktor ekonomi dan statistik. Data-data ekonomi dan statistik di Malaysia menunjukkan bahawa industri pembinaan mempunyai tahap kelangsungan yang stabil apabila kerajaan memperuntukkan sebanyak RM50.5 bilion bagi tahun 2015 bagi tujuan pembangunan (Jabatan Perbendaharaan Malaysia 2014), 50.49% daripada keseluruhan kutipan cukai oleh LHDNM datangnya daripada cukai perniagaan (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 2014), dan daripada 662,939 entiti perniagaan yang berdaftar, iaitu sebanyak 645,136 ialah PKS (Jabatan Perangkaan Malaysia 2011). Tiga perincian informasi ini sahaja telah jelas menunjukkan bahawa tahap signifikannya sektor PKS terhadap pertumbuhan ekonomi khusus kepada hasil kutipan cukai negara.

#### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Pelbagai kaedah kajian telah diguna pakai oleh pengkaji terdahulu dalam melaksanakan kajian seperti pemerhatian, temu duga, dan data sekunder di mana kaedah pemerhatian merupakan salah satu pendekatan yang paling kerap digunakan. Kajian lepas yang dilakukan oleh Palil (2010) didapati mengguna pakai kaedah pemerhatian borang soal selidik yang diposkan kepada para pembayar cukai melalui rujukan buku panduan telefon. Pendekatan yang sama turut digunakan oleh Abdul Jabbar (2009), iaitu pemerhatian berdasarkan pengkalan data SME Corporation Malaysia (SME) melalui kaedah borang soal selidik secara pos dan e-mel. Justeru bagi tujuan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah data sekunder di mana pendekatan yang serupa turut digunakan oleh pengkaji terdahulu seperti Mohd Yusof et al. (2014) dan Ming et al. (2013).

Data sekunder yang digunakan dalam kajian diperolehi daripada tiga sumber yang berbeza. Sumber data sekunder yang pertama diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) yang berkaitan dengan perincian nama perniagaan, alamat premis perniagaan, nombor untuk dihubungi, saiz perniagaan, dan jenis perniagaan bagi PKS sektor pembinaan di Malaysia hingga tahun berakhir 31hb Disember 2013. Sumber kedua adalah daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berhubung nama pemilik perniagaan PKS dan syarikat PKS sektor pembinaan Malaysia kerana JPM tidak mempunyai rekod nama pemilik perniagaan yang berstatus milikan tunggal dan perkongsian. Sumber ketiga adalah daripada pihak LHDNM yang memberikan kebenaran capaian ke dalam sistem yang membolehkan pengkaji melakukan semakan bagi mengenal pasti bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai dalam kalangan entiti PKS sektor pembinaan di Malaysia bagi tahun taksiran 2013.

Proses pengumpulan data kajian dimulakan dengan mengemukakan permohonan kepada pihak JPM bagi mendapatkan 500 sampel entiti PKS sektor pembinaan di Malaysia. Penentuan saiz sampel kajian merujuk kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970) di mana saiz sampel 500 adalah lebih dari mencukupi bagi bilangan populasi yang berjumlah 20,000. Sementara kaedah pemilihan sampel perlu menggunakan pendekatan pensampelan kebarangkalian rawak berlapis. Kaedah ini menurut Hussin, Ali dan Zamzuri Noor (2014) amat relevan bagi data kajian yang mempunyai beberapa kumpulan dan bilangan yang berbeza. Tindakan berikutnya pula adalah mengemas kini data yang diperolehi daripada pihak JPM untuk mengetahui para pemilik bagi setiap perniagaan. Oleh hal yang demikian, permohonan maklumat seterusnya dikemukakan kepada pihak SSM bagi mendapatkan informasi yang berkaitan dengan pemilik perniagaan dan syarikat PKS. Peringkat terakhir adalah semakan silang untuk perincian data yang diperolehi daripada pihak JPM dan pihak SSM dengan maklumat percukaian milik LHDNM.

Proses semakan silang hanya boleh dilakukan selepas memperoleh kebenaran daripada pihak LHDNM bagi membuat capaian ke dalam sistem cukai. Kebenaran untuk membuat capaian ke dalam sistem cukai perlu diperolehi supaya dapatan kajian tidak melanggar dasar serta polisi LHDNM dan yang paling penting tidak menyalahi peruntukan Seksyen 138 ACP 1967 yang berkaitan dengan kerahsiaan maklumat para pembayar cukai. Semakan silang yang dilakukan melalui empat peringkat iaitu; 1) semakan nombor cukai pendapatan untuk mengetahui status pembayar cukai, sekiranya telah berdaftar nombor cukai akan tertera semasa proses semakan dan begitu juga sebaliknya; 2) semakan status penghantaran borang cukai, di mana rekod penghantaran borang cukai akan tertera semasa proses semakan sama ada penghantaran borang tersebut tepat pada masa, lewat atau tidak hantar; 3) semakan pelaporan sumber pendapatan dengan melihat kepada sistem LHDNM sama ada wujud taksiran tambahan dari aktiviti audit, jika ada PKS tidak melaporkan pendapatan dengan betul; dan 4) semakan status bayaran cukai sama ada telah membuat bayaran, lewat membuat bayaran atau tidak membuat bayaran dengan memerhatikan maklumat penalti lewat bayar yang dikenakan, jika ada ini menunjukkan kesalahan cukai telah dilakukan. Maklumat daripada hasil semakan silang ini merujuk kepada tahun taksiran 2013 sahaja (perolehan pendapatan dalam tahun 2013 dan menutup akaun perniagaan dalam tahun 2013).

Setelah selesai memperoleh maklumat cukai untuk kesemua entiti PKS sektor pembinaan, tindakan seterusnya adalah memasukkan data-data kajian bagi tujuan analisa menggunakan perisian statistik SPSS. Bagi tujuan kajian ini dua jenis pengujian digunakan iaitu ujian kekerapan dan ujian khi-kuasa dua. Ujian kekerapan digunakan bagi menjana dapatan kajian untuk mengenalpasti bilangan serta peratusan gelagat cukai, pelaku ketidakpatuhan cukai dan bentuk-bentuk ketidakpatuhan. Manakala ujian khi-kuasa dua sesuai untuk melihat hubungan atau kaitan antara gelagat cukai dan jenis perniagaan PKS sektor pembinaan.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini adalah berdasarkan analisis ujian kekerapan dan ujian khi-kuasa dua yang membabitkan data entiti PKS sektor pembinaan dari pihak JPM, yang kemudian dikemaskini dengan pihak SSM dan akhirnya melalui proses semakan silang dengan pengkalan data LHDNM. Dapatan kajian kemudian diterjemahkan melalui pembentangan empat jadual iaitu; Jadual 1 menunjukkan perincian deskriptif entiti PKS sektor pembinaan; Jadual 2 memaparkan gelagat cukai PKS sektor pembinaan, Jadual 3 memperincikan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai dan Jadual 4 yang menunjukkan hubungan antara gelagat cukai dengan jenis perniagaan PKS sektor pembinaan.

Jadual 1 Perincian Deskriptif PKS Sektor Pembinaan Malaysia

Jenis Perniagaan / Saiz Perniagaan	Mikro	Kecil	Sederhana	Jumlah
Kontraktor Rumah Kediaman	36	30	20	86
Kontraktor bukan Rumah Kediaman	42	40	26	108
Kontraktor Kejuruteraan Awam	48	37	20	105
Kontraktor Pertukangan Khas	99	68	34	201
<b>Jumlah</b>	<b>225</b>	<b>175</b>	<b>100</b>	<b>500</b>

Dapatan kajian pertama pada Jadual 1 di atas merupakan perincian deskriptif bagi 500 entiti PKS sektor pembinaan di Malaysia yang telah dipilih sebagai sampel kajian. Sampel kajian entiti PKS sektor pembinaan Malaysia yang diambil mewakili dua kategori yang selari dengan definisi MPPK iaitu saiz perniagaan dan jenis perniagaan. Berdasarkan kategori saiz, entiti perniagaan bersaiz kecil mendominasi bilangan PKS sektor pembinaan sebanyak 206 entiti, diikuti pula oleh saiz mikro sebanyak 194 entiti perniagaan, dan saiz sederhana sebanyak 100 entiti perniagaan. Sebaliknya untuk jenis perniagaan, aktiviti perniagaan pertukangan khas paling tinggi bilangannya dengan 201 entiti, diikuti pula oleh aktiviti perniagaan bukan rumah kediaman sebanyak 108 entiti, perniagaan kejuruteraan awam sebanyak 105 entiti, dan perniagaan rumah kediaman sebanyak 86 entiti

Jadual 2 Gelagat Cukai PKS Sektor Pembinaan di Malaysia

Tindakan Pembayar Cukai	Patuh Cukai	%	Tidak Patuh Cukai	%	Jumlah
<b>Saiz Perniagaan:</b>					
Mikro	117	52%	108	48%	225
Kecil	99	57%	76	43%	175
Sederhana	62	62%	38	38%	100
<b>Jenis Perniagaan:</b>					
Kontraktor Rumah Kediaman	47	55%	39	45%	86
Kontraktor bukan Rumah Kediaman	62	57%	46	43%	108
Kontraktor Kejuruteraan Awam	47	45%	58	55%	105
Kontraktor Pertukangan Khas	122	61%	79	39%	201
<b>Pemilikan Perniagaan:</b>					
Milikan Tunggal	111	51%	105	49%	216
Perkongsian	27	49%	28	51%	55

Syarikat Sdn Bhd	140	61%	89	39%	229
<b>Gender Pemilik:</b>					
Lelaki	178	55%	144	45%	322
Wanita	9	33%	18	67%	27
Lelaki dan Wanita	91	60%	60	40%	151
<b>Jumlah</b>	<b>278</b>		<b>222</b>		<b>500</b>
<b>Peratusan</b>	<b>56%</b>		<b>44%</b>		<b>100%</b>

Secara ringkas Jadual 2 di atas memaparkan gelagat cukai PKS sektor pembinaan samada patuh cukai atau tidak patuh cukai berdasarkan empat ciri-ciri perniagaan iaitu saiz perniagaan, jenis perniagaan, status pemilikan perniagaan dan gender pemilik perniagaan. Penjelasan jadual gelagat cukai ini secara langsung menjawab matlamat pertama dan kedua kajian iaitu untuk mengenalpasti gelagat cukai sama ada patuh cukai atau tidak patuh cukai serta mengetahui pelaku yang terlibat. Perincian dapatan kajian menunjukkan 44% entiti PKS sektor pembinaan tidak patuh cukai bersamaan dengan 222 daripada 500 entiti.

Berdasarkan ciri pertama iaitu saiz, PKS bersaiz mikro paling dominan tidak patuh cukai iaitu 48% dan turut mencatatkan bilangan entiti tertinggi iaitu 108. Untuk ciri kedua iaitu jenis perniagaan, penilaian dari aspek bilangan entiti mendapati perniagaan pertukangan khas merekodkan bilangan tertinggi iaitu 79 entiti. Sebaliknya jika penilaian dibuat dari sudut peratusan, perniagaan kejuruteraan awam mempunyai pecahan terbesar iaitu 55%. Situasi yang sama dapat diperhati pada ciri pemilikan perniagaan dan gender pemilik perniagaan. Pada ciri pemilikan perniagaan entiti PKS yang menjalankan perniagaan secara milikan tunggal mencatatkan bilangan tertinggi (105 entiti) sebaliknya dari segi pecahan, perkongsian menunjukkan pecahan yang lebih besar iaitu 51%. Bagi ciri gender pemilik entiti perniagaan PKS pula bilangan lelaki adalah paling tinggi tidak patuh cukai tetapi jika statistik peratusan diambil kira gender wanita mewakili komposisi yang lebih besar iaitu 67%.

Jadual 3 Bentuk-bentuk Ketidapatuhan Cukai PKS Sektor Pembinaan di Malaysia

Kategori Pembayar Cukai	Bentuk Ketidapatuhan Cukai				Jumlah
	Tidak Daftar	Tidak/ Lewat Hantar Borang	Tidak/ Kurang Lapor	Tidak/ Lewat Bayar	
Kontraktor Rumah Kediaman	8 (21%)	22 (56%)	0	9 (23%)	39
Kontraktor bukan Rumah Kediaman	11(24%)	29 (63%)	1 (2%)	5 (11%)	46
Kontraktor Kejuruteraan Awam	14 (24%)	36 (62%)	4 (7%)	4 (7%)	58
Kontraktor Pertukangan Khas	17 (22%)	50 (63%)	6 (7.5%)	6 (7.5%)	79
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>137</b>	<b>11</b>	<b>24</b>	<b>222</b>
<b>Peratus</b>	<b>22%</b>	<b>62%</b>	<b>5%</b>	<b>11%</b>	<b>100%</b>

Dapatan kajian pada Jadual 3 di atas menghuraikan bentuk-bentuk tidak patuh cukai PKS sektor pembinaan Malaysia kepada empat keadaan iaitu tidak daftar, tidak atau lewat hantar borang, tidak atau kurang lapor dan tidak atau lewat bayar cukai. Perbincangan hasil kajian ini seterusnya menjawab matlamat kajian yang ketiga iaitu mengenalpasti bentuk-bentuk tidak patuh cukai yang dilakukan oleh PKS sektor pembinaan.

Pada masa yang sama Jadual 3 turut memperincikan lagi tindakan tidak patuh cukai yang dilakukan oleh 222 entiti PKS sektor pembinaan yang telah ditunjukkan pada Jadual 2 sebelum ini. Hasil kajian mendapati bentuk ketidapatuhan yang tertinggi di kalangan PKS sektor pembinaan adalah 'tidak atau



lewat hantar borang cukai' sebanyak 137 entiti (62%), diikuti oleh 'tidak mendaftar sebagai pembayar cukai' sebanyak 50 entiti (22%), 'tidak atau lewat membayar cukai pendapatan' sebanyak 24 entiti (11%), dan yang terendah, iaitu 'tidak atau kurang lapor pendapatan' sebanyak 11 entiti (5%).

Selain dari itu, Jadual 3 juga menunjukkan peratus tindakan ketidakpatuhan cukai bagi setiap jenis perniagaan PKS sektor pembinaan. Bagi bentuk tindakan tidak daftar, perniagaan bukan rumah kediaman dan kejuruteraan awam didapati paling dominan iaitu 24%. Berikutnya untuk bentuk tindakan tidak atau lewat hantar borang, jenis perniagaan bukan rumah kediaman dan pertukangan khas didapati paling dominan, iaitu 63%. Seterusnya bagi bentuk tindakan tidak atau kurang lapor pendapatan, memperlihatkan kesalahan ini paling kurang dilakukan oleh PKS sektor pembinaan. Peratusan tertinggi hanyalah 7.5% bagi pertukangan khas, manakala 7% bagi kejuruteraan awam. Bentuk tindakan ketidakpatuhan cukai yang terakhir merujuk kepada tidak atau lewat bayar yang menunjukkan jenis perniagaan rumah kediaman paling tinggi terlibat iaitu 23%.

Dapatan kajian pada Jadual 4 di bawah adalah lanjutan dari tiga jadual terdahulu di mana pada Jadual 1 telah mengenalpasti wujudnya keadaan ketidakpatuhan cukai di kalangan entiti PKS sektor pembinaan, Jadual 2 pula memaparkan jenis perniagaan yang dominan terlibat dalam ketidakpatuhan cukai dan Jadual 3 memperincikan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai. Maka Jadual 4 di bawah menunjukkan hasil analisis hubungan antara jenis perniagaan PKS sektor pembinaan dengan gelagat pematuhan cukai.

Jadual 4 Analisis Ujian Khi-Kuasa Dua – Jenis PKS dan Gelagat Cukai PKS

	Value	df	Asymp. Sig. (2-sided)
Pearson Chi-Square	13.712 <sup>a</sup>	6	.033
Likelihood Ratio	12.762	6	.047
Linear-by-Linear Association	.095	1	.758
N of Valid Cases	500		

a. 0 cells (0.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is 6.02.

Analisis pada Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa nilai yang mewakili *pearson chi-square* adalah 13.712 dengan nilai signifikan 0.033. Nilai signifikan ini lebih kecil daripada aras alpha 0.05 iaitu menunjukkan signifikan. Selain dari itu nilai *minimum expected count* ialah 6.02 iaitu melebihi 5 menunjukkan bahawa hasil ujian ini tidak melanggar mana-mana andaian bagi ujian khi-kuasa dua. Oleh itu dapatan kajian ini membuktikan jenis perniagaan mempengaruhi gelagat pematuhan cukai di kalangan PKS pembinaan di Malaysia dan turut mengesahkan wujudnya hubungan antara jenis perniagaan PKS dengan gelagat pematuhan cukai. Maka hasil analisis ini secara langsung telah menjawab objektif kajian keempat yang telah ditetapkan.

## 6.0 PERBINCANGAN

Penyelidikan berhubung isu ketidakpatuhan cukai telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu merangkumi pelbagai perspektif kajian seperti takrifan ketidakpatuhan cukai (Slemrod, 2007), kronologi ketidakpatuhan cukai (Andreoni et al. 1998), entiti perniagaan tidak patuh cukai (Mohd Yusof et al. 2014), dan faktor-faktor ketidakpatuhan cukai (Palil & Mustapha 2011; Palil, 2010). Walaupun kajian telah dilakukan terhadap isu ketidakpatuhan cukai ini tetapi tahap pematuhan cukai di Malaysia masih pada tahap sederhana dan lebih rendah berbanding jiran terdekat iaitu Singapura (Belkaoui, 2004). Kajian lepas juga didapati kurang membincangkan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai sama ada membabitkan

pembayar cukai individu mahupun entiti perniagaan khususnya terhadap PKS sektor pembinaan. Penjelasan terhadap isu ini perlu dilakukan memandangkan penyelidik terdahulu mentafsirkan pematuhan cukai melibatkan komponen seperti daftar, hantar, lapor, dan bayar (Brown & Mazur 2003). Literatur cukai terdahulu juga didapati tidak membincangkan secara spesifik pelaku yang dominan terlibat dengan aktiviti ketidakpatuhan cukai di Malaysia (Mohd Yusof et al., 2012).

Matlamat kajian menjurus kepada empat perkara utama iaitu mengenalpasti gelagat cukai, mengetahui jenis perniagaan yang dominan tidak patuh cukai, memahami bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai dan melihat hubungan antara gelagat cukai dengan jenis perniagaan PKS sektor pembinaan. Berdasarkan sampel 500 entiti PKS sektor pembinaan yang dikaji, hampir separuh iaitu sebanyak 222 entiti (44%) telah melakukan aktiviti ketidakpatuhan cukai bagi tahun taksiran 2013. Hasil kajian mendapati jenis perniagaan yang dominan terlibat dengan ketidakpatuhan cukai adalah kejuruteraan awam iaitu 55%. Sementara dapatan kajian untuk bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai menunjukkan majoriti perlakuan adalah pada bentuk tidak atau lewat menghantar borang iaitu sebanyak 137 entiti bersamaan 62% dan tidak mendaftar sebanyak 50 entiti iaitu bersamaan 22%. Manakala ujian khi-kuasa dua pula membuktikan wujudnya kaitan antara gelagat cukai dan jenis perniagaan PKS sektor pembinaan apabila nilai alpha yang diperolehi kurang daripada 0.05 dan nilai *minimum expected count* melebihi daripada 5.

Penjelasan pada perenggan di atas menunjukkan hasil kajian ini adalah selari dengan hasil kajian oleh Mohd Yusof et al. (2014) yang mendapati sektor pembinaan antara yang tertinggi terlibat dalam aktiviti ketidakpatuhan cukai. Hasil kajian ini juga ternyata konsisten dengan satu lagi kajian lepas yang dilakukan oleh Ming et al. (2013) yang mendapati bahawa tiga sektor perniagaan yang paling dominan dengan aktiviti mengelak cukai adalah pembinaan, pembuatan, dan perkhidmatan. Selain daripada konsistensi dengan dapatan kajian daripada kajian-kajian lepas, dapatan kajian ini turut membincangkan jenis-jenis perniagaan dalam PKS sektor pembinaan Malaysia yang paling dominan terlibat dalam aktiviti ketidakpatuhan cukai iaitu kejuruteraan awam. Selain menambah nilai hasil kajian terdahulu, kajian ini turut menghasilkan penemuan baharu apabila dapat menghuraikan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai yang kerap dilakukan oleh entiti PKS sektor pembinaan (tidak daftar dan tidak atau lewat hantar) dan pada masa yang sama berjaya membuktikan wujudnya hubungan antara gelagat cukai dengan jenis perniagaan entiti PKS sektor pembinaan.

Selain dapatan kajian utama, dapatan kajian lain yang diperolehi adalah komposisi gender, pemilikan perniagaan dan saiz perniagaan. Kajian oleh Spicer dan Becker (1980) menjelaskan komposisi gender mempunyai hubungan yang signifikan dengan isu ketidakpatuhan cukai. Sebaliknya kajian Kasipillai dan Abdul Jabbar (2006) mendapati gender lelaki dan wanita tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap ketidakpatuhan cukai. Manakala McGee & Tyler (2006) bersetuju bahawa gender lelaki paling tinggi tidak patuh berbanding wanita. Hasil kajian ini menunjukkan gender lelaki paling tinggi terlibat dalam ketidakpatuhan cukai iaitu 144 berbanding wanita hanya 18. Walau bagaimanapun jika entiti PKS itu mempunyai gabungan gender lelaki dan wanita, didapati bilangan wanita yang tidak patuh cukai meningkat kepada 60 dan angka ini lebih tinggi berbanding entiti PKS yang diuruskan oleh wanita yang tidak patuh cukai. Hasil kajian yang lain turut mendapati majoriti entiti PKS sektor pembinaan Malaysia adalah bersaiz mikro dan kecil iaitu 400 entiti, manakala selebihnya adalah bersaiz sederhana iaitu 100 entiti. Ciri saiz bagi entiti perniagaan turut menjadi komponen dalam kajian cukai terdahulu di mana penyelidikan Kamleitner, Korunka & Kirchler (2012) mendapati pemilik perniagaan bersaiz kecil ini turut terlibat dengan aktiviti tidak patuh cukai. Sementara hasil kajian berkaitan status pemilikan perniagaan menunjukkan kebanyakan entiti PKS memilih untuk menjalankan perniagaan secara milikan tunggal (216 entiti) atau penubuhan syarikat sendirian berhad (229 entiti) dan selebihnya memilih untuk menjalankan perniagaan secara perkongsian (55 entiti).

## 7.0 RUMUSAN

Kajian ini berperanan untuk memberikan nilai tambah kepada literatur cukai melalui penggunaan kaedah kajian yang berbeza dan dapatan kajian yang masih kurang dijelaskan oleh para pengkaji lepas. Kaedah serta analisis kajian yang digunakan melibatkan beberapa pendekatan iaitu perolehan data sekunder, penambahbaikan data, semakan silang data dan analisis statistik SPSS. Rumusan kepada kajian ini dapat dilihat pada dapatan kajian yang mengenalpasti gelagat cukai, mengetahui pelaku ketidakpatuhan cukai, menghuraikan bentuk-bentuk ketidakpatuhan cukai dan menjelaskan hubungan antara gelagat cukai dan jenis perniagaan PKS.

Secara ringkasnya, entiti PKS sektor pembinaan didominasi oleh segmen perniagaan pertukangan khas, diikuti oleh kejuruteraan awam, bukan rumah kediaman, dan rumah kediaman. Perincian data kajian menunjukkan bahawa majoriti saiz entiti PKS berskala kecil dan mikro dengan status pemilikan perniagaan ialah milikan tunggal dan syarikat. Daripada 500 sampel entiti PKS yang dianalisis, didapati bahawa sebanyak 44% terlibat dalam ketidakpatuhan cukai dan daripada jumlah peratusan tersebut, kebanyakan bentuk ketidakpatuhan cukai merujuk kepada 'tidak dan lewat menghantar borang cukai' sebanyak 62%, manakala 'tidak mendaftar' sebanyak 22%. Dapatan kajian ini turut menunjukkan jenis perniagaan PKS sektor pembinaan Malaysia yang paling dominan terlibat dengan ketidakpatuhan cukai adalah kejuruteraan awam (55%). Kajian ini turut mendapati wujudnya hubungan atau kaitan antara gelagat cukai dan jenis perniagaan PKS sektor pembinaan berdasarkan ujian khi-kuasa dua yang dilakukan.

Selain daripada sumbangan kepada bidang ilmu, dapatan kajian daripada kajian ini turut bermanfaat untuk dijadikan sebagai input kepada LHDNM dalam usaha untuk menambah baik pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan. Melalui dapatan kajian daripada kajian ini, segmentasi perniagaan yang bermasalah dapat dikenal pasti, iaitu industri (pembinaan), jenis-jenis perniagaan (bukan rumah kediaman dan kejuruteraan awam), dan bentuk-bentuk ketidakpatuhan (tidak daftar dan tidak atau lewat hantar). Walaupun kajian ini berjaya dilaksanakan dan mencapai objektif yang ditetapkan tetapi tidak dapat mengelak dari berhadapan dengan beberapa kekangan. Antara kekangan kajian ini adalah penggunaan bilangan sampel yang terhad berbanding jumlah populasi yang besar; tumpuan kajian hanya kepada satu sektor ekonomi PKS sahaja dan kesukaran untuk kajian ini dilakukan oleh pengkaji lain kerana tidak mempunyai akses kepada sistem LHDNM. Walau bagaimanapun kajian seperti ini wajar dilakukan untuk sektor ekonomi lain dalam PKS seperti pembuatan, perkhidmatan, pertanian, perlombongan dan kuari supaya rumusan yang menyeluruh berhubung gelagat cukai PKS dapat dibincangkan.

## Rujukan

- Abdul Jabbar, H. (2009). *Income Tax Non-compliance of Small and Medium Enterprise in Malaysia: Determinants and Tax Compliance Costs*. Curtin University of Technology.
- Akta Cukai Pendapatan 1967, Pub. L. No. Akta 53 (2006). Malaysia: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Andreoni, J., Erard, B., & Feinstein, J. (1998). Tax Compliance. *Journal of Economic Literature*, 36(2), 818–860.
- Australian Taxation Office. (2007). *Improving Tax Compliance in the Cash Economy – A Developed Economy Perspective on Informal Sector Issue Purpose : Information Submitted by : Australia. In 25th Small and Medium Enterprise Working Group Meeting (p. 7)*.
- Belkaoui, A. R. (2004). *Relationship Between Tax Compliance Internationally and Selected Determinants*

- of Tax Morale. *Journal of International Accounting, Auditing and Taxation*, 13, 135–143. doi:10.1016/j.intaccudtax.2004.09.001
- Braithwaite, V., & Braithwaite, J. (1997). Managing taxation compliance: The Evolution of the ATO Compliance Model. In N. Shover & J. P. Wright (Eds.), *Crime of Privilege*. Oxford University Press.
- Braithwaite, V., Braithwaite, J., Gibson, D., & Makkai, T. (1994). Regulatory Styles, Motivational Postures and Nursing Home Compliance. *Law & Policy*, 16(4), 363–394.
- Brown, R. E., & Mazur, M. J. (2003). IRS 's Comprehensive Approach to Compliance Measurement by. In *National Tax Association Spring Symposium* (pp. 1–18). Washington, DC. Retrieved from <https://www.irs.gov/pub/irs-soi/mazur.pdf>
- Fauzi Hussin, Jamal Ali, & Mohd Saifoul Zamzuri Noor. (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS* (2nd ed.). Sintok, Kedah: UUM Press.
- Hanfah Mustafa, & Abdul Latif Al-Mureshi. (1991, January). Accounting in Small and Medium Enterprise. *Akauntan Nasional*, 14–15.
- Hijattulah Abdul Jabbar. (2009). *Income Tax Non-compliance of Small and Medium Enterprise in Malaysia: Determinants and Tax Compliance Costs*. Curtin University of Technology.
- Institute for Management Development - (IMD). (2013). *IMD World Competitiveness Yearbook 2013*. (Institute for Management Development, Ed.) *Igarss 2014* (25th ed.). Lausanne, Switzerland: World Competitiveness Center. doi:10.1007/s13398-014-0173-7.2
- International Tax Dialogue. (2007). Taxation of Small and Medium Enterprise. In *International Tax Dialogue Conference* (p. 65). Buenos. Retrieved from [www.itdweb.org](http://www.itdweb.org)
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2011). *Banci Ekonomi Pembinaan 2011*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perbendaharaan Malaysia. (2014). Bajet Kerajaan Persekutuan Malaysia 2015. Retrieved January 1, 2015, from [http://www.treasury.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=category&id=256&Itemid=2472&lang=ms](http://www.treasury.gov.my/index.php?option=com_content&view=category&id=256&Itemid=2472&lang=ms)
- Josephine, H. . (2013). Enforcement Trend and Compliance Challenges : Malaysia ' s Experience. In *The Fourth IMF-Japan High-Level Tax Conference for Asian Countries* (p. 35). Tokyo.
- Joulfaian, D., & Rider, M. (1998). *Tax evasion by small business*. U.S Department of the Treasury (Vol. LI). Retrieved from <http://www.treasury.gov/resource-center/tax-policy/tax-analysis/Documents/ota77.pdf>
- Kamleitner, B., Korunka, C., & Kirchler, E. (2012). Tax compliance of small business owners A review. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*, 18. doi:10.1108/13552551211227710
- Kasipillai, J., & Hijattulah Abdul Jabbar. (2006). Gender and Ethnicity Differences in Tax Compliance. *Asian Academy of Management Journal*, 11(2), 73–88.
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities Robert. *Educational and Psychological Measurement*, 38(1), 607–610. doi:10.1177/001316447003000308
- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (2012). *Laporan Tahunan LHDNM 2011*. Retrieved from

<http://www.hasil.gov.my/goindex.php?kump=2&skum=2&posi=1&unit=7&sequ=1>

- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (2013). *Laporan Tahunan LHDNM 2012. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia* (Vol. XXXIII). Retrieved from <http://www.hasil.gov.my/goindex.php?kump=2&skum=2&posi=1&unit=7&sequ=1>
- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. (2014). *Laporan Tahunan LHDNM 2013*. Retrieved from <http://www.hasil.gov.my/goindex.php?kump=2&skum=2&posi=1&unit=7&sequ=1>
- Lymer, A., & Oats, L. (2009). *Taxation: Policy and Practice* (16th ed.). Birmingham: Fiscal Publications.
- McGee, R. W., & Tyler, M. (2006). Tax evasion and ethics: a demographic study of 33 countries. *Researchgate Publication*, (1944), 1–20. Retrieved from <http://www.researchgate.net/publication/228129337>
- Ming Ling Lai, Zalilawati Yaacob, Normah Omar, Norashikin Abdul Aziz, & Bee Wah Yap. (2013). Examining Corporate Tax Evaders : Evidence from the Finalized Audit Cases. *World Academy of Science, Engineering and Technology*, 78(6), 396–400.
- Mohd Khairuddin Hashim. (2007). *SMEs in Malaysia: A Brief Handbook*. Petaling Jaya, Selangor: August Publishing.
- Mohd Rizal Palil. (2010). *Tax Knowledge and Tax Compliance Determinants in Self Assessment System in Malaysia*. University of Birmingham. Retrieved from <http://etheses.bham.ac.uk/1040/>
- Mohd Rizal Palil, & Ahmad Fariq Mustapha. (2011). Factors Affecting Tax Compliance Behaviour in Self Assessment System. *African Journal of Business Management*, 5(33), 12864–12872. doi:10.5897/AJBM11.1742
- Natrah Saad. (2012). Tax Non-Compliance Behaviour: Taxpayers View. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 65(ICIBSoS), 344–351. doi:10.1016/j.sbspro.2012.11.132
- Nor Azrina Mohd Yusof, Ming Ling Lai, & Yap Bee Wah. (2012). *Tax Noncompliance Among Small and Medium Enterprise in Malaysia: Tax Audit Evidence*. Shah Alam, Selangor. Retrieved from <http://docs.business.auckland.ac.nz/doc/37-nor-azrina-mohd-yusof-lai-ming-ling-yap-bee-wah.pdf>
- Nor Azrina Yusof, Ming Ling Lai, & Yap Bee Wah. (2014). Tax Noncompliance Among SMEs in Malaysia: Tax Audit Evidence. *Journal of Applied Accounting Research*, 15, 215–234. doi:10.1108/JAAR-02-2013-0016
- Rand Europe, & National Audit Office. (2008). *Comparing How Some Tax Authorities Tackle the Hidden Economy*. United Kingdom. Retrieved from [https://www.nao.org.uk/wp-content/uploads/2008/04/0708341\\_comparing.pdf](https://www.nao.org.uk/wp-content/uploads/2008/04/0708341_comparing.pdf)
- Rosmaria Jaffar, Ku Nuraini Che Ku Yusof, Mohd Jaffri Abu Bakar, & Izah Mohd Tahir. (2014). A Study on Tax Non-Compliance among Government Servants. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 8(April), 84–90.
- Singh, V. (2003). *Tax Compliance and Ethical Decision Making: A Malaysian Perspective*. (1st ed.). Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Siti Norhawa Mohd Ali. (2015, June 9). 10% Syarikat “Lari” Cukai. *Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/10-syarikat-8216-lari-8217-cukai-1.101207>

- Slemrod, J. (2007). Cheating Ourselves: The Economics of Tax Evasion. *Journal of Economic Perspectives*, 21(1), 25–48.
- SME Corporation Malaysia. (2013). *Laporan Tahunan PKS 2012/13*. Kuala Lumpur. Retrieved from <http://www.smeCorp.gov.my/index.php/my/sme-annual-report>
- Spicer, M. W., & Becker, L. A. (1980). Fiscal Inequity and Tax Evasion: An Experimental Approach. *National Tax Journal*, 33(2), 171–175. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/41862299>
- Syatila Che Saruji, & Mohd Rizal Palil. (2012). Pengelakan Cukai : Kajian Kes Di Kolej Poly-Tech MARA , Kuala Lumpur ( KPTMKL ). In *Prosiding PERKEM VII* (Vol. 2, pp. 1067–1081).
- Wentworth, D., & Rickel, A. (1985). Determinants of Tax Evasion and Compliance. *Behavioral Science & the Law*, 3(4), 455–466. Retrieved from <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1002/bsl.2370030410/abstract>
- Williams, C. C. (2007). Entrepreneurs Operating in the Informal Economy : Necessity or Opportunity Driven? *Journal of Small Business & Entrepreneurship*, 20(3), 309–320.
- Williams, C. C. (2009). Beyond Legitimate Entrepreneurship: The Prevalence of Off The Books Entrepreneurs in Ukraine. *Journal of Small Business & Entrepreneurship*, 22(1), 55–68.